

## Kronologi Dari Kiamat Hingga ke Titian Siratul Mustaqim

Written by Ruzlan

Tuesday, 09 July 2013 00:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:27

---

<http://www.mudah.my/1kedai-dotcom>  id="Image2\_img" src="http://1.bp.blogspot.com/-6LIJRr5Rz6E/V3jD3WIhxOI/AAAAAAAAAESk/n9iF\_qWigA4LR-75-9hRFRn6W7FY1fF7gCK4B/s1600/Mudahdotmy\_Long.gif" data-bbox="66 125 925 160"/> width="488" height="39"/>

**MESTI BACA. ! MARILAH KITA MENGINSAFI DIRI. KALAU RASA DIRI ANDA KERDIL SILA BACA.**  src="images/Image\_1Kedai/Artikel/sterompel.jpg" data-bbox="66 160 515 215"/> mce\_src="images/Image\_1Kedai/Artikel/sterompel.jpg" width="500" height="348"/>

Selepas Malaikat Israfil meniup sangkakala (bentuknya seperti tanduk besar) yang memekakkan telinga, seluruh makhluk mati kecuali Izrail & beberapa malaikat yang lain. Selepas itu, Izrail pun mencabut nyawa malaikat yang tinggal dan akhirnya nyawanya sendiri.

Selepas semua makhluk mati, Tuhan pun berfirman mafhumnya

◆Kepunyaan siapakah kerajaan hari ini?◆ Tiada siapa yang menjawab. Lalu Dia sendiri menjawab dengan keagunganNya ◆Kepunyaan Allah Yang Maha Esa lagi Maha Perkasa.◆ Ini menunjukkan kebesaran & keagunganNya sebagai Tuhan yg Maha Kuasa lagi Maha Kekal Hidup, tidak mati.

Selepas 40 tahun, Malaikat Israfil a.s. dihidupkan, seterusnya meniup sangkakala untuk kali ke-2, lantas seluruh makhluk hidup semula di atas bumi putih, berupa padang Mahsyar (umpama padang Arafah) yang rata tidak berbukit atau bulat seperti bumi.

- Sekeliam manusia hidup melalui benih anak Adam yg disebut ◆AjbuZ Zanbi◆ yang berada di hujung tulang belakang mereka. Hiduplah manusia umpama anak pokok yang kembang membesar dari biji benih.

- Semua manusia dan jin dibangkitkan dalam keadaan telanjang dan hina. Mereka tidak rasa malu kerana pada ketika itu hati mereka sangat takut dan bimbang tentang nasib & masa depan yang akan mereka hadapi kelak.

- Lalu datanglah api yang berterbangan dengan bunyi seperti guruh yang menghalau manusia, jin dan binatang ke tempat perhimpunan besar. Bergeraklah mereka menggunakan tunggangan (bagi yang banyak amal), berjalan kaki (bagi yang kurang amalan) dan berjalan dengan muka (bagi yang banyak dosa). Ketika itu, ibu akan lupa anak, suami akan lupa isteri, setiap manusia sibuk memikirkan nasib mereka.

Setelah semua makhluk dikumpulkan, matahari dan bulan dihapuskan cahayanya, lalu mereka tinggal dalam kegelapan tanpa cahaya. Berlakulah huru-hara yang amat dahsyat.

Tiba-tiba langit yang tebal pecah dengan bunyi yang dahsyat, lalu turunlah malaikat sambil bertasbih kepada Allah SWT. Seluruh makhluk terkejut melihat saiz malaikat yang besar dan suaranya yang menakutkan.

Kemudian matahari muncul semula dengan kepanasan yang berganda. Hingga dirasakan seakan-akan matahari berada sejengkal dari atas kepala mereka. Ulama berkata jika matahari naik di bumi seperti keadaannya naik dihari Kiamat nescaya seluruh bumi terbakar, bukit-bukau hancur dan sungai menjadi kering. Lalu mereka rasai kepanasan dan bermandikan peluh sehingga peluh mereka menjadi lautan. Timbul atau tenggelam mereka bergantung pada amalan masing-masing. Keadaan mereka berlanjutan sehingga 1000 tahun.

 src="images/Image\_1Kedai/Artikel/sperempuan%20neraka.jpg" data-bbox="66 760 850 805"/> mce\_src="images/Image\_1Kedai/Artikel/sperempuan%20neraka.jpg" width="237" height="154"/>

Terdapat satu telaga kepunyaan Nabi Muhammad SAW bernama Al-Kausar yang mengandungi air yang hanya dapat diminum oleh orang mukmin sahaja. Orang bukan mukmin akan dihalau oleh malaikat yang menjaganya. Jika diminum airnya tidak akan haus selama-lamanya. Kolam ini berbentuk segi empat tepat sebesar satu bulan perjalanan. Bau air kolam ini lebih harum dari kasturi, warnanya lebih putih dari susu dan rasanya lebih sejuk dari embun. Ia mempunyai saluran yang mengalir dari syurga.

**Semua**

## Kronologi Dari Kiamat Hingga ke Titian Siratul Mustaqim

Written by Ruzlan

Tuesday, 09 July 2013 00:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:27

---

mahluk berada bawah cahaya matahari yang terik kecuali 7 golongan yang mendapat tuduhan dari Arasy. Mereka ialah:

- Pemimpin yang adil.
- Orang muda yang taat kepada perintah Allah.
- Lelaki yang terikat hatinya dengan masjid.
- Dua orang yang bertemu kerana Allah dan berpisah kerana Allah.
- Lelaki yang diajak oleh wanita berzina, tetapi dia menolak dengan berkata ♦Aku takut pada Allah♦.
- Lelaki yg bersedekah dengan bersembunyi (tidak diketahui orang ramai).
- Lelaki yang suka bersendirian mengingati Allah lalu mengalir air matanya kerana takutkan Allah.

Oleh kerana tersangat lama menunggu di padang mahsyar, semua manusia tidak tahu berbuat apa melainkan mereka yang beriman, kemudian mereka terdengar suara ♦pergilah berjumpa dengan para Nabi♦. Maka mereka pun pergi mencari para Nabi. Pertama sekali kumpulan manusia ini berjumpa dengan Nabi Adam tetapi usaha mereka gagal kerana Nabi Adam a.s menyatakan beliau juga ada melakukan kesalahan dengan Allah SWT. Maka kumpulan besar itu kemudiannya berjumpa Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s. (semuanya memberikan sebab seperti Nabi Adam a.s.) dan akhirnya mereka berjumpa Rasullullah SAW. Jarak masa antara satu nabi dengan yang lain adalah 1000 tahun perjalanan.

Lalu berdoalah baginda Nabi Muhammad SAW ke hadrat Allah SWT. Lalu diperkenankan doa baginda.

Selepas itu, terdengar bunyi pukulan gendang yang kuat hingga menakutkan hati semua mahluk kerana mereka sangka azab akan turun. Lalu terbelah langit, turunlah arasy Tuhan yang dipikul oleh 8 orang malaikat yang sangat besar (besarnya sejarak perjalanan 20 ribu tahun) sambil bertasbih dengan suara yang amat kuat sehingga ♦Arasy itu tiba di bumi.

♦Arasy ialah jisim nurani yang amat besar berbentuk kubah (bumbung bulat) yang mempunyai 4 batang tiang yang sentiasa dipikul oleh 4 orang malaikat yang besar dan gagah. Dalam bahasa mudah ia seumpama istana yang mempunyai seribu bilik yang menempatkan jutaan malaikat di dalamnya. Ia dilingkungi embun yang menghijab cahayanya yang sangat kuat.

Kursi iaitu jisim nurani yang terletak di hadapan Arasy yang dipikul oleh 4 orang malaikat yang sangat besar. Saiz kursi lebih kecil dari ♦Arasy umpama cincin ditengah padang . Dalam bahasa mudah ia umpama singgahsana yang terletak dihadapan istana.

Seluruh mahluk pun menundukkan kepala kerana takut. Lalu dimulakan timbangan amal. Ketika itu berterbanganlah kitab amalan masing-masing turun dari bawah Arasy menuju ke leher pemiliknya tanpa silap dan tergantunglah ia sehingga mereka dipanggil untuk dihisab. Kitab amalan ini telah ditulis oleh malaikat Hafazhah / Raqib & ♦Atid / Kiraman Katibin.

Manusia beratur dalam saf mengikut Nabi dan pemimpin masing- masing. Orang kafir & munafik beratur bersama pemimpin mereka yang zalim. Setiap pengikut ada tanda mereka tersendiri untuk dibezakan.

Umat yang pertama kali dihisab adalah umat Nabi Muhammad SAW, dan amalan yang pertama kali dihisab adalah solat. Sedangkan hukum yang pertama kali diputuskan adalah perkara pertumpahan darah.

 Gambar di atas hanyalah gambaran artis. Keadaan sebenar adalah jauh yang dahsyat.

Apabila tiba giliran seseorang hendak dihisab amalannya, malaikat akan mencabut kitab mereka lalu diserahkan, lalu pemiliknya mengambil dengan tangan kanan bagi orang mukmin dan dengan tangan kiri jika orang bukan mukmin.

Semua mahluk akan dihisab amalan mereka menggunakan satu Neraca Timbangan. Saiznya amat besar, mempunyai satu tiang yang mempunyai lidah dan 2 daun. Daun yang bercahaya untuk menimbang pahala dan yang gelap untuk menimbang dosa.

Acara ini disaksikan oleh Nabi Muhammad SAW dan para imam 4 mazhab untuk menyaksikan pengikut masing-masing dihisab.

Perkara

## Kronologi Dari Kiamat Hingga ke Titian Siratul Mustaqim

Written by Ruzlan

Tuesday, 09 July 2013 00:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:27

---

pertama yang diminta ialah Islam. Jika dia bukan Islam, maka seluruh amalan baiknya tidak ditimbang bahkan amalan buruk tetap akan ditimbang. Ketika dihisab, mulut manusia akan dipateri, tangan akan berkata-kata, kaki akan menjadi saksi. Tiada dolak-dalih dan hujah tipuan. Semua akan di adili oleh Allah Ta'ala dengan Maha Bijaksana. Setelah amalan ditimbang, mahkamah Mahsyar dibuka kepada orang ramai untuk menuntut hak masing-masing dari makhluk yang sedang dibicara sehinggalah seluruh makhluk berpuas hati dan dibenarkannya menyeberangi titian sirat. Syafaat Nabi Muhammad SAW di akhirat :

- Meringankan penderitaan makhluk di Padang Mahsyar dengan mempercepatkan hisab.
- Memasukkan manusia ke dalam syurga tanpa hisab.
- Mengeluarkan manusia yang mempunyai iman sebesar zarah dari neraka.

(Semua syafaat ini tertakluk kepada keizinan Allah SWT.) Para nabi dan rasul serta golongan khawas juga diberikan izin oleh Tuhan untuk memberi syafaat kepada para pengikut mereka. Mereka ini berjumlah 70 000. Setiap seorang dari mereka akan mensyafaatkan 70 000 orang yang lain.

 [http://www.1kedai.com/kedai/images/Image\\_1Kedai/Artikel/slintasan%20siratulmustaqim.jpg](http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/slintasan%20siratulmustaqim.jpg) mce\_src="images/Image\_1Kedai/Artikel/slintasan%20siratulmustaqim.jpg" width="499" height="343">

Gambarajah diatas hanyalah untuk gambaran sahaja. Jauh lebih dahsyat sebenarnya. Setelah berjaya dihissab, manusia akan mula berjalan menuju syurga melintasi jambatan sirat. Siratul Mustaqim ialah jambatan (titian) yang terbentang dibawahnya neraka. Lebar jambatan ini adalah seperti sehelai rambut yang dibelah tujuh dan ia lebih tajam dari mata pedang. Bagi orang mukmin ia akan dilebarkan dan dimudahkan menyeberanginya. Fudhail bin Iyadh berkata perjalanan di Sirat memakan masa 15000 tahun. 5000 tahun menaik, 5000 tahun mendatar dan 5000 tahun menurun. Ada makhluk yang melintasinya seperti kilat, seperti angin, menunggang binatang korban dan berjalan kaki. Ada yang tidak dapat melepaskannya disebabkan api neraka sentiasa menarik kaki mereka, lalu mereka jatuh ke dalamnya.

 [http://www.1kedai.com/kedai/images/Image\\_1Kedai/Artikel/ssuasana%20neraka.jpg](http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/ssuasana%20neraka.jpg) mce\_src="images/Image\_1Kedai/Artikel/ssuasana%20neraka.jpg" width="498" height="372">

Gambar diatas hanya gambaran sahaja. Suasana sebenar adalah jauh lebih dahsyat ! Para malaikat berdiri di kanan dan kiri sirat mengawasi setiap makhluk yang lalu. Setiap 1000 orang yang meniti sirat, hanya seorang sahaja yang Berjaya melepaskannya. 999 orang akan terjatuh ke dalam neraka.

Rujukan: Kitab Aqidatun Najin karangan Syeikh Zainal Abidin Muhammad Al-Fathani. Pustaka Nasional Singapura 2004.

Jika sekiranya kalian ingin mengumpul saham akhirat, sampaikanlah ilmu ini kepada sahabat yang lain. Sepertimana sabda Rasulullah SAW: ? Sampaikanlah pesananku walaupun satu ayat. ? Sesungguhnya apabila matinya seseorang anak Adam itu, hanya 3 perkara yang akan dibawanya bersama :

- Sedekah/amal jariahnya.
- Doa anaknya yang soleh.
- Ilmu yang bermanfaat yang disampaikan kepada orang lain.

BERSEDIakah KITA JIKA BERLAKUNYA ESOK? DENGAN AMALAN YANG TERAMAT SEDIKIT. BAGAIMANA UNTUK KITA MENJAWAB TENTANG AMALAN2 YG TELAH DILAKUKAN ? Saya hamba yang kerdil dan iman yang lemah. Pagi tadi mengasihi Allah, petang nanti terleka dengan pujukan nafsu dan derhaka kepada Allah. Ini saja daya yang boleh saya lakukan untuk memberatkan timbalan pahalaku nanti. Kita bakal hadir di suatu padang bernama Masyar nanti. Pasti..!

Si Kerdil - Ruzlan bin Ab.Rahman - [www.1kedai.com](http://www.1kedai.com)

Rayuan admin 1Kedai:

## Kronologi Dari Kiamat Hingga ke Titian Siratul Mustaqim

Written by Ruzlan

Tuesday, 09 July 2013 00:00 - Last Updated Tuesday, 07 February 2017 00:27

---

Jika anda tidak keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:  
<b>" Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain ".</b> <i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu atas halaman ini:

</i></p><p><br /><i><a

href="http://www.1kedai.com/kedai/index.php?option=com\_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10"

mce\_href="index.php?option=com\_content&view=category&layout=blog&id=10&Itemid=10"><i

mg alt="Kembali ke koleksi utama artikel"

src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image\_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg"

mce\_src="images/Image\_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" width="493"

height="300"></a></i></p>